

Saksikan aksi robot ciptaan pelajar UTHM

BATU PAHAT - Anda ingin menyaksikan aksi-aksi robot ciptaan pelajar Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM)?

Jika begitu, kunjungilah Pameran Robocon dan Pertandingan Robot Cerdik di Pesta Konvokesyen UTHM VI yang bermula semalam dan berakhir hari ini.

Pengarah program berkenaan, Engku Ahmad Sallehuddin Engku Long berkata, pameran yang julung kali diadakan itu mempamerkan hasil kerja para pelajar UTHM yang terlibat dalam pertandingan Robocon di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) Mei lalu.

Katanya, dua robot dikenali sebagai

Basic Stamp yang berkemampuan mengelak sebarang halangan yang berada di sepanjang laluannya akan diperontokan kepada para pengunjung termasuk enam robot lain.

Jelasnya lagi, turut diadakan pertandingan robot cerdik bagi memberi peluang kepada pelajar UTHM membuktikan kehebatan robot ciptaan mereka.